

## **Isu Pengantin Lelaki Memakai Inai di Jari: Analisis Berdasarkan Mazhab Syafii dan Fatwa di Malaysia**

**[The Issue of Grooms Wearing Henna on Their Fingers: An Analysis Based on the Syafii School and Fatwa in Malaysia]**

**Mohd Azhar Abdullah<sup>1</sup>, Irwan Mohd Subri<sup>2</sup>, Muhammad Lukman Ibrahim<sup>3</sup> & Muhammad Amiri Abdul Ghani<sup>4</sup>**

<sup>1</sup> (Corresponding Author) International Language Institute, Department of Syariah, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS), 15730, Malaysia, e-mail: dr.har68@gmail.com

<sup>2</sup> Institute of Fatwa and Halal (IFFAH), Faculty of Shariah and Law (FSU), Islamic Science University of Malaysia (USIM), 71800, Malaysia, e-mail: irwan@usim.edu.my

<sup>3</sup> Faculty of Quranic and Sunnah Studies (FPQS), Islamic Science University of Malaysia (USIM), 71800, Malaysia, e-mail: zihin@yahoo.com

<sup>3</sup> Department of Quran and Sunnah, Faculty of Islamic Studies and Contemporary, Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS), 15730, Malaysia, e-mail: amirighani@yahoo.com

### **ABSTRACT**

*Grooms wearing henna on their fingers in conjunction with weddings is still practised in Malaysian society, especially among Malays and Indians. The difference in the jurisprudence of the four madhabs, especially the Syafii madhab in this issue, also affects the inconsistency of the fatwas of the states in Malaysia. Most of the scientific studies focus more on the benefits of wearing henna according to Islamic, scientific and medical perspectives. However, the study related to the basis of fiqh related to the grooms wearing henna is not detailed. This causes confusion between the prohibition of men wearing henna on their hands due to tashabbuh and women with the need to celebrate the local uruf. This study uses a qualitative methodology through content analysis to examine the views of the Syafii school of jurisprudence in accordance with the uruf in Malaysia as decreed in the states. It aims to harmonize Muslims according to the Malaysian model. The study found that in Malaysia, the Fatwa Committee of the National Council for Islamic Affairs of Malaysia has decided that henna is permitted to be worn by the groom under certain conditions. While at the state level, there is a state fatwa that prohibits henna for the groom, and there is a state fatwa that permits it.*

**Keywords:** Grooms; Henna; Mazhab; Syafii; Tashabbuh

## ABSTRAK

Budaya pengantin lelaki memakai inai di jari sempena perkahwinan masih diamalkan dalam masyarakat Malaysia, khususnya Melayu dan India. Kekhilafan mazhab empat, khususnya mazhab Syafii dalam isu ini turut mempengaruhi ketidakselarasan fatwa negeri-negeri di Malaysia. Kajian-kajian ilmiah lebih tertumpu kepada manfaat penggunaan inai menurut perspektif Islam, sains dan perubatan. Manakala kajian berkaitan asas fiqh berkaitan keharusan pengantin lelaki memakai inai tidak diperincikan. Hal ini menyebabkan berlaku kekeliruan antara larangan lelaki berinai di tangan kerana *tashabbuh* (keserupaan) dengan kaum wanita dengan keperluan meraikan *uruf* (kelaziman) setempat. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui analisa kandungan yang mengkaji pandangan fiqh mazhab Syafii selaras dengan *uruf* di Malaysia sebagaimana difatwakan di negeri-negeri. Ia bertujuan mengharmonikan umat Islam menurut acuan negara Malaysia. Kajian mendapati di Malaysia, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia telah memutuskan harus berinai bagi pengantin lelaki dengan syarat tertentu. Manakala di peringkat negeri, ada fatwa negeri yang mengharamkan berinai bagi pengantin lelaki dan ada fatwa negeri yang mengharuskannya.

**Kata Kunci:** Pengantin Lelaki; Inai; Mazhab; Syafii; *Tashabbuh*

### How to Cite:

- Received : 13-10-2022      Abdullah, M. A., Subri, I. M., Ibrahim, M. L., & Abdul Ghani,  
Accepted : 27-05-2023      M. A. (2023). Isu Pengantin Lelaki Memakai Inai di Jari:  
Published : 31-05-2023      Analisis Berdasarkan Mazhab Syafii dan Fatwa di Malaysia.  
*RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 4(1), 1-20.

## 1. Pendahuluan

Pengantin ialah orang yang sedang menjalani istiadat perkahwinan. Ia juga sinonim dengan mempelai, raja sehari atau kemanten (Kamus Dewan, 2007). Bukan sahaja pengantin perempuan dihiasi, malah pengantin lelaki juga dipersiapkan menurut adat setempat, termasuk memakai inai di jari tangan. Isu pengantin lelaki berinai di beberapa jarinya akan terus jadi polemik antara meraikan adat dan tuntutan Syarak. Ia menuntut semua pihak untuk menanganinya dengan kebijaksanaan.

Adat berinai bukan sekadar untuk kecantikan atau menyerikan majlis perkahwinan, tetapi sebagai perlambangan yang khusus iaitu restu dan hasrat yang suci daripada keluarga dan pengantin terhadap sebuah perkahwinan yang akan dilangsungkan. Hasilnya naluri keinginan berinai terus subur dalam masyarakat majmuk di negara ini. Walaupun dunia moden berteknologi tinggi, tetapi adat berinai masih relevan bagi muda mudi yang disokong dengan pelbagai bahan inai alternatif dan hiasan corak yang menarik.

Namun dari perspektif Syariah, adat berinai bagi pengantin lelaki masih diperdebatkan hingga menyebabkan sebahagian masyarakat awam terus dilema. Hal ini berikutan wujud perbezaan fatwa mengikut negeri-negeri di Malaysia. Ada beberapa negeri yang mengharuskan pengantin lelaki berinai, manakala kebanyakan negeri mengharamkannya.

## 2. Sorotan Literatur

Kemusykilan masyarakat berkaitan pengantin lelaki memakai inai terus berlanjut. Hal ini berikutan tiada kesepakatan di antara ulama dan juga fatwa antara negeri-negeri. Kebanyakan ilmuwan Islam bertegas menghukumkannya sebagai haram tanpa meraikan *uruf* di Malaysia. Ketidakselarasan fatwa-fatwa di beberapa negeri-negeri pula dipolemikkan bagi tujuan tertentu. Akhbar dan tabloid sering memanfaatkan isu lelaki berinai bagi melariskan berita disebabkan menjadi trend dalam perkahwinan semasa. Kini, budaya berinai bukan sahaja bagi pengantin perempuan dan lelaki, malah ahli keluarga terdekat juga turut memakainya bagi memeriahkan suasana (Mstars, 2022; My Metro, 2022).

Artikel-artikel ilmiah yang membincangkan isu inai dalam konteks Syariah, sains dan perubatan banyak diterbitkan. Ini kerana tumbuhan inai memiliki banyak khasiat dari sudut perubatan dan kebudayaan. Syed Muhammad Adib (2019) telah membincangkan seni inai dalam fatwa-fatwa Sahabat RA dan berjaya merumuskan garis panduan berinai. Menurutnya, inai dipakai pada semua telapak tangan dan kaki, tanpa corak dan perlu menghindari persamaan (*tashabuh*) dengan bukan Islam. Manakala Muhammad Remy, et. al (2021) telah mengupas berkaitan manfaat inai dalam perubatan menurut perspektif hadis dalam etnobotani Melayu dan kehadiran aktiviti antioksida. Begitu juga kajian inai menurut perspektif hadis dan sains telah dikemukakan oleh kumpulan penyelidik Mohd Farhan (2020).

Carian melalui sesawang secara terbuka mendapati keputusan terawal disiarkan adalah Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (2009). Ketidakselarasan fatwa di peringkat negeri-negeri berkaitan pengantin lelaki berinai seolah-olah tidak dapat dielakkan. Tiga buah negeri secara jelas mengharamkannya dan tiga buah negeri lagi mengharuskannya. Perak tidak menyatakan keadaan yang mengharuskan secara spesifik. Manakala enam buah negeri lagi tidak diperolehi melalui sesawang secara terbuka akan pendapat jabatan mufti mereka. Kajian juga mendapati bahawa fatwa di negara-negara umat Islam juga tidak sepakat mengharamkannya, bahkan hukumnya merujuk kepada amalan *uruf* tempat berkenaan (Bin Baz, t.t); *al-Majlis al-Islami li al-Ifta' al-Falistini*, 2009).

Tujuan kajian ini ialah untuk meninjau pendapat-pendapat *fuqaha* mazhab Syafii berkaitan bakal pengantin lelaki memakai inai sempena

perkahwinannya. Di samping itu, mengenal pasti asas-asas pembinaan hukum dan fatwa yang mengutamakan mazhab Syafii. Penulisan ini akan menjawab beberapa isu, antaranya apakah larangan keserupaan perhiasan inai tertakluk kepada pengaruh *uruf* atau tujuan perkahwinan boleh diangkat kepada tahap keperluan yang mengharuskan perkara yang asalnya haram. Kajian ini mengharmonikan perbezaan pendapat dalam meraikan *uruf* sebagai cara hidup masyarakat Malaysia.

## 2.1 Asal Usul Budaya Inai

*Al-Hinna'* (الحناء) dalam bahasa Arab adalah sinonim dengan inai bagi bahasa Malaysia (Mahmud Yunus, 1972; Othman, 2006; Zakiah, 2015). Inai dimanfaatkan sejak awal ketamadunan manusia. Al-Juraisi (t.t) menyifatkan *al-hinna'* sebagai “penghulu pewarna” (سيد الخضاب), terutama bagi rawatan dan perhiasan untuk rambut, janggut, tangan dan kaki.

Menurut Kamus Dewan (2009), maksud inai adalah sejenis tumbuhan (*Lawsonia Inermis*) yang renek, bersaiz kecil. Adapun daun pula seperti daun delima yang digunakan sebagai bahan pemerah kuku tangan dan kaki. Ia digunakan dalam istiadat bersanding. Manakala menginai adalah menempek inai di kuku dan jari. Sebagai contoh, pengantin itu akan diinai oleh keluarga.

Berdasarkan maksud ini, menginai kuku dan jari menjadi budaya bagi masyarakat Melayu. Asas ini diperkuuhkan dengan pokok inai ditanam dan tumbuh dengan mudah di tanah Melayu, bahkan kebanyakan rumah orang-orang Melayu tradisi menanam pokok inai di sekitar rumah.

Hakikatnya, budaya berinai dicatatkan dalam bangsa Arab, India dan Afrika. Pengantin perempuan dalam adat Arab dihiasi dengan inai ketika malam berinai yang disebut (نقش الحناء) di tangan dan kaki (al-Ghazza, 1999). Ibn Batutah (t.t) mencatatkan adat majlis perkahwinan raja di Syam di mana seorang raja bernama Sayf al-Din Ghada berkahwin dengan adik perempuan Sultan Jalal al-Din di negeri Dahlia atau dikenali dengan Kashk. Dalam upacara gemilang tersebut, sebelum dua malam majlis akad nikah dilangsungkan, Raja Sayf al-Din dipersiapkan dengan pelbagai hiasan termasuk dipakaikan inai di kedua-dua telapak tangan dan kakinya. Kemudian, majlis tarian dipersembahkan.

Namun, adat berinai telah lama mewarnai pelbagai seni budaya masyarakat Malaysia, terutama bangsa Melayu dan India termasuk masyarakat Sabah dan Sarawak. Berinai juga menjadi adat suku Bajau, Samah yang tinggal di kota Belud serta suku Cocos tinggal di Lahad Datu dan Tawau (Ahadin, 2022). Ringkasnya, adat berinai masih diraikan untuk menghiasi pengantin perempuan dan lelaki di jemari mereka.

Kajian ahli sejarah merekodkan bahawa inai dijadikan bahan perubatan kuno. Ini dibuktikan melalui jasad-jasad Firaun di zaman Mesir Kuno dengan bukti warna dan bahan inai di kulit mumia. Adapun kewujudan

inai di zon Asia pula dibawa dan dipopulari oleh kerajaan Mongol (Syed Muhammad Adib, 2019; Muhammad Remy, 2021).

Manakala dalam tamadun Islam, penggunaan inai bagi lelaki telah sabit melalui hadith-hadith yang sahih bahawa Rasulullah SAW, Sahabat RA dan golongan salaf memakai inai pada rambut, misai dan janggut sebagai pewarna. Malah, mereka melumur inai di bahagian tubuh badan bagi tujuan perubatan seperti mengubati luka dan meredakan kesakitan (Ibn Ruslan, 2016; Al-Asfahani, 2006; Al-Nawawi, 1972; Al-'Aini, t.t).

## **2.2 Perlambangan Inai Bagi Majlis Perkahwinan**

Majlis perkahwinan masyarakat Islam Nusantara diserikan dengan pelbagai adat seperti persandingan, berinai dan membawa hadiah di atas dulang. Majlis berinai sempena perkahwinan telah menjadi adat kebanyakan bangsa di dunia, termasuk Arab, Afrika, India dan Melayu sehingga lahir beberapa istilah “inai pengantin”, “malam berinai”, “berinai curi”, “berinai kecil”, “berinai besar” dan “tari inai” (Abdul Munir dan Mohd Noor, 2022; Nor Aini, 2005). Majlis berinai diadakan sebagai penyeri dan persiapan untuk bakal pengantin yang akan diijabkabulkan pada keesokan harinya.

Kajian Abdul Munir dan Mohd Noor (2022) ke majlis perkahwinan masyarakat Jawi Peranakan India Islam bermula pada malam berinai atau dikenali sebagai *mehndi*. Hal yang sama ditegaskan oleh Nor Aini (2005) bahawa malam berinai merupakan satu budaya masyarakat Jawi Peranakan India Islam di Jalan Masjid Kapitan Keling, Pulau Pinang. Budaya ini dilaksanakan oleh keluarga yang berpegang kuat kepada adat istiadat perkahwinan. Acara ini melibatkan pengantin perempuan dan pengantin lelaki. Lazimnya majlis berinai diadakan sehari sebelum majlis perkahwinan berlangsung secara berasingan di rumah masing-masing.

Tradisi berinai diadakan secara tiga peringkat. Peringkat pertama iaitu “berinai curi” yang diadakan pada tiga malam sebelum hari perkahwinan berlangsung untuk saudara mara terdekat sahaja. Manakala peringkat kedua iaitu “berinai kecil” pula diadakan dua malam sebelum hari perkahwinan langsung untuk saudara mara, jiran tetangga dan sahabat handai. Seterusnya peringkat ketiga adalah kemuncak majlis berinai yang disebut “berinai besar” yang diadakan satu malam sebelum akad nikah untuk para jemputan khas daripada pihak lelaki dan pihak perempuan. Selepas adat berinai besar dilakukan, pengantin lelaki tidak akan bermalam di rumah pengantin perempuan. Mereka akan terus pulang ke rumah. Jika rombongan tersebut jauh dari tempat asal, maka pengantin lelaki akan bermalam di rumah ahli keluarga yang berdekatan dengan rumah pengantin perempuan. Inai akan dihiaskan pada kedua-dua belah tangan dan kaki pengantin perempuan. Pengantin lelaki juga diletakkan inai pada jari kelengkeng, jari manis dan jari hantu pada sebelah tangan sahaja. Namun dengan peredaran zaman, hanya

adat “berinai besar” yang masih diamalkan hingga kini (Norhuda, 2017; Izzah, 2018).

Lebih menarik, adat malam berinai diserikan dengan tarian yang dinamakan “tari inai” yang turut dicatatkan bukan di Indonesia, tetapi dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu di Perlis dan Selangor (Mohd Nizam Sahad, et al., 2013; Norhuda, 2017). Tidak dinafikan dalam sesetengah tradisi Melayu, termasuk di Nusantara bahawa adat memakai inai bagi pengantin dikaitkan dengan perlambangan tertentu. Sempena majlis malam berinai pengantin, “Tari Inai” dipersembahkan di hadapan pengantin perempuan dan masih menjadi amalan beberapa wilayah di Indonesia seperti Medan. Malam berinai adalah upacara pemberian inai kepada calon pengantin wanita yang dilakukan sebelum pengantin disandingkan di pelamin esok harinya sebagai tanda restu ibu bapa dan keluarga bagi mendirikan rumah tangga yang baru (Debbi, 2017).

Inai pengantin juga dipercayai menjadi lambang kesucian seorang isteri. Antaranya, jika isteri melahirkan anak sedang warna inai masih merah di jarinya, maka ia tidak suci ketika dikahwini. Di samping itu, dikatakan juga dapat menghindarkan gangguan makhluk halus disebabkan warna merah tersebut (Norhuda, 2017).

Namun perkara ini tidak benar kerana tempoh minimum kelahiran seorang bayi yang dikandungkan ialah enam bulan dua *lahzah* (saat) daripada tarikh akad nikah sedangkan kelaziman warna inai bertahan selama tiga bulan sahaja.

### 3. Skop Dan Metodologi Kajian

Penulisan ini menggunakan metodologi kualitatif melalui analisis kandungan (Nor Hisyam 2018; Fuad, 2017; Noraini, 2010). Penulis meneliti pendapat-pendapat fuqaha silam dan kontemporari khususnya mazhab Syafii yang menjadi pegangan. Penulis juga mempertimbangkan pengaruh *uruf* dalam masyarakat Malaysia melalui kajian kepustakaan. Pendapat-pendapat fuqaha tersebut disesuaikan menurut konteks kedudukan dan peranan mazhab Syafii bagi negeri-negeri Malaysia.

Kajian arkib digunakan bagi mendapatkan pandangan mufti-mufti yang dicapai melalui laman sesawang secara terbuka dengan menggunakan kata kunci “pengantin”, “perkahwinan”, “inai” *al-hinna’* dan “*al-'aris*”. Dapatkan daripada analisis konseptual dan induktif akan memandu kepada sebuah kesimpulan mengenai kesesuaian *uruf* di Malaysia dengan keutamaan mazhab Syafii dan peranan jabatan mufti dalam memudahkan umat Islam mendapatkan fatwa. Ia juga satu solusi bagi mengharmonikan antara ketidakselarasan fatwa di negeri-negeri berkaitan pengantin lelaki berinai.

Skop kajian ini menumpukan perbincangan fiqh berkaitan hukum lelaki memakai inai di jari kuku dan tangan ketika majlis perkahwinan di

Malaysia. Pengkajian ini meliputi kepada pendapat-pendapat mazhab Syafii dalam kitab-kitab fiqah dan fatwa-fatwa yang diterbitkan dalam laman sesawang pejabat mufti berkenaan. Kepentingan artikel ini adalah untuk menguruskan konflik dalam berinteraksi dengan *uruf* dan ketidakselarasan fatwa serta mengukuhkan pegangan mazhab Syafii yang menjadi wadah keharmonian bagi umat Islam di negara ini.

#### **4. Asas Perbincangan**

##### **4.1 Pendapat Mazhab Syafii Terhadap Lelaki Memakai Inai Di Jari**

Fuqaha mazhab Syafii berpecah kepada dua pendapat mengenai hukum lelaki berinai di jari tangan dan kaki tanpa keperluan syar'i. Pendapat muktamad mazhab Syafii adalah haram memakainya kecuali terdapat keperluan atau keuzuran seperti perubatan. Namun, sebahagian kecil mereka berpendapat hukumnya harus secara mutlak.

###### **i) Pendapat Pertama:**

Pendapat al-Nawawi (t.t) dalam kitab *al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab* dan *Rawdah al-Talibin* (1991) yang paling popular adalah mengharamkan pemakaian inai bagi lelaki;

أَمَّا حِضَابُ الْيَدَيْنِ وَالرِّجْلَيْنِ بِالْحِنَّاءِ فَمُسْتَحِبٌ لِلْمُتَرَوِّجَةِ مِنِ النِّسَاءِ: لِأَحَادِيثِ الْمَشْهُورَةِ  
فِيهِ وَهُوَ حَرَامٌ عَلَى الرِّجَالِ إِلَّا لِحَاجَةِ التَّدَاوِيِّ، وَمِنْ الدَّلَائِلِ عَلَى تَحْرِيمِهِ قَوْلُهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ فِي الْحِدِيدِ الصَّحِيحِ لَعَنِ اللَّهِ الْمُتَشَبِّهِينَ بِالنِّسَاءِ مِنِ الرِّجَالِ

Terjemahan: Adapun mewarnakan kedua-dua tangan dan kaki dengan inai, maka disunatkan bagi yang berkahwin di kalangan perempuan berdasarkan hadis-hadis masyhur yang berkaitan dengannya dan haram ke atas para lelaki (memakai inai) kecuali untuk berubat.

Antara dalil-dalil yang mengharamkannya adalah sabda Rasulullah SAW yang sahih; Allah melaknat lelaki-lelaki yang menyerupai perempuan daripada kalangan lelaki. (Sahih al-Bukhari: 5885). Dalam menghuraikan pendapat Imam al-Nawawi di atas, al-Dimyati (1997) dalam *Hashiah I'anat al-Talibin*, al-Ansari (2000) dalam *Asna al-Matalib*, Ibn Hajar al-Haitami (1983) dalam *Tuhfat al-Muhtaj 'Ala al-Minhaj*, dan al-Sharbini (1994) dalam *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Alfaz al-Minhaj* menyebutkan secara jelas tiga sebab diharamkan lelaki memakai inai di jari tangan dan kaki seperti berikut:

- i. Termasuk dalam *tashabbuh* (keserupaan) kaum perempuan disebabkan perhiasan inai di tangan dan kaki adalah perhiasan khusus bagi perempuan sejak turun temurun.
- ii. Terdapat penegasan Rasulullah SAW mengenai budaya berinai di tangan dan kaki dikhkususkan bagi wanita sahaja.
- iii. Rasulullah SAW menjatuhkan hukuman takzir dengan dibuang daerah ke atas pondan yang memakai inai di tangan dan kakinya.

Al-Suyuti (2004) dan Ibn Hajar al-Haitami (1994) mengklasifikasikan kesalahan lelaki memakai inai sama ada di tangan atau kaki adalah termasuk dosa-dosa besar. Maka pelakunya wajib bertaubat *nasuha* dengan menanggalkannya sedaya mampu, menyesali dan berazam tidak mengulanginya lagi.

## ii) Pendapat Kedua:

Syeikh Islam al-Muzajjad al-Yamani (t.t) dalam *Kitab al-'Ubab* menukilkan secara jelas pendapat-pendapat mazhab Syafii seperti di bawah:

قال العِجْلُونَ: يحرّم خصب يدي الرجل ورجلية بخناء وتبغه التّوّي، وكلام صاحب البّيان  
والمأوردي والرافعي وغيرهم يقتضي الحل وهو المختار

Terjemahan: Berkata al-'Ijli; haram menginai kedua-dua tangan dan kaki bagi lelaki. [Pendapat ini] diikuti oleh Imam al-Nawawi. [Namun] pendapat pengarang kitab *al-Bayan* [al-'Imrani al-Yamani, wafat 558 H], al-Mawardi dan al-Rafi'i dan lain-lain menyatakan harus. Inilah pendapat yang terpilih [di sisi pengarang *Kitab al-'Ubab*, Syeikh al-Muzajjad].

Syeikh Ba'alwi (1998) telah menukilkan perkataan Syeikh Islam al-Muzajjad dalam *al-'Ubab* tersebut dalam kitab *Bughyat al-Murtarshidin*. Hal ini menjadikan pendapat tersebut masyhur dan dekat di kalangan ulama dan mufti bermazhab Syafii di Malaysia. Al-Amir dalam *al-Tanwir Sharh al-Jami' al-Saghir* mengulas;

قلت: وقد أورد المرعى شارح التنبية عدة أحاديث في (إباحيته بل في استحبابه ولكنها ضعيفة إلا أن الأصل الجواز والتحريم لم يقم عليه دليل وما ذكره المانعون من التشبه بالنساء منوع.

Terjemahan: Aku [al-Amir] berkata; Sesungguhnya al-Mar'i; pensyarah [kitab] *al-Tanbih* membawakan beberapa hadis yang [menunjukkan] kepada keharusannya, bahkan disunatkannya, tetapi ia berstatus daif, kecuali bahawa [hukum] asalnya adalah harus. [Manakala] hukum haram ketiadaan dalil yang

kuat menyokongnya. Apa yang disebut oleh golongan yang melarangnya disebabkan *tashabbuh* (keserupaan) perempuan adalah ditegah.

Memetik pendapat di atas menjelaskan ketiadaan dalil yang khusus mengharuskan lelaki memakai inai di tangan dan kaki. Manakala hadis larangan *tashabbuh* (keserupaan) perempuan adalah umum dan belum cukup kuat dijadikan dalil berdiri dengan sendiri kepada pengharaman sesuatu yang asalnya harus.

#### **4.2 Kelonggaran Bagi Lelaki Memakai Inai di Tangan Dan Kaki Ketika Keperluan**

Fuqaha Syafii sering kali membataskah larangan pemakaian inai di kedua-dua telapak tangan dan kaki lelaki sahaja. Pembatasan ini bertujuan mengharuskan lelaki memakai inai selain daripada kedua-dua telapak tangan dan kaki seperti dipakai di bahagian muka atau leher (al-Jamal, t.t; Ibn Hajar al-Haitami, 1983). Ini mungkin disebabkan telah hilang sebab hukum bagi keserupaan (*'illah tashabbuh*) berlainan jantina apabila lelaki memakai inai di bahagian badan yang lain.

Dalam pada itu, ulama tidak mempertikaikan keharusan bagi lelaki berinai di tangan dan kakinya untuk keperluan tertentu atau keuzuran tertentu seperti perubatan. Hal yang demikian juga, ulama mengharuskan bagi kanak-kanak lelaki memakai inai di tangan dan kaki dengan menggunakan kaedah *qiyyas* memakai sutera (Qalyubi dan 'Umairah, 1995).

Kitab-kitab turath daripada mazhab Syafii menggunakan dua ungkapan, iaitu keperluan (*al-hajah*) atau keuzuran (*al-'udhr*) bagi menetapkan tahap yang mengharuskan bagi seseorang lelaki memakai inai di tangannya (al-Nawawi, t.t; al-Ansari; 2000; al-Dimyati, 1997; Ibn Hajar al-Haitami, 1983; al-Sharbini, 1994). Tahap *al-hajah* adalah satu situasi yang menyempitkan atau menyukarkan dengan ketiadaannya. Dalam situasi *al-hajat*, seseorang masih mempunyai beberapa pilihan. Berbeza dengan tahap darurat yang membawa kepada kebinasaan atau sangat menyukarkan dan pilihannya amat terbatas. Dalam konteks ini, tahap keuzuran adalah sama taraf dengan tahap keperluan (Al-Shatibi, 1996). Ibn Hajar al-Haitami (1983) mendarangkan contoh bagi pengecualian lelaki memakai inai ketika keperluan dengan hadith yang diriwayatkan oleh Salma RA berkaitan penggunaan bahan inai di bahagian kaki lelaki ketika sakit.

### **4.3 Fatwa Semasa Pengantin Lelaki Memakai Inai**

#### **i) Fatwa Negara-Negara Islam**

Ketidakselarasan antara fatwa-fatwa pengantin lelaki memakai inai di tangan disebabkan pengaruh *uruf* yang diambil kira dalam penentuan tahap *tashabhu* berlainan jantina. Budaya memakai inai bagi perkahwinan telah menjadi adat sebahagian masyarakat Arab yang terus kekal hingga kini. Adat pengantin lelaki berinai tersebut dikenali sebagai *hinna' al-'aris*. Hal ini dapat dibuktikan secara jelas melalui soalan-soalan khusus kepada jabatan-jabatan mufti seperti Arab Saudi Mesir, Jordan dan Palestin. Berdasarkan budaya Arab di Palestin, jawapan yang dikemukakan oleh *al-Majlis al-Islami li al-Ifta' al-Falistini* (2009) nombor fatwa 205;

فيحرم في اليدين والرجلين سواء في العرس وغيره: لا كما يفعل الشباب في أي عرس كان بما يسمى حناء العريس في يديه فهذا مخالف للشرع فانتبهوا إلا لضرورة التداوي

Terjemahan: Diharamkan (lelaki) berinai di kedua-dua telapak tangan dan kakinya sama ada bagi perkahwinan dan lainnya sebagaimana tidak boleh seperti pemuda melakukannya pada mana-mana majlis perkahwinan yang dinamakan inai pengantin lelaki pada kedua-dua telapak tangannya. Ini menyalahi syarak, maka hendaklah kamu berhati-hati kecuali terdapat darurat seperti perubatan.

Namun, pandangan Syeikh Bin Baz (t.t) dalam *Fatawa Nur 'ala al-Darb* yang telah dikumpulkan oleh Dr. Muhammad bin Sa'ad didapati berbeza dengan konteks budaya Arab dan Sudan. Bagi negara Arab Saudi, beliau menghukumkan haram pengantin lelaki berinai, tetapi mengharuskannya bagi lelaki Sudan memakaikan inai di tangan bagi majlis perkahwinannya. Beliau menyebut;

إذا كان هذه عادة بين الجميع، ما يكون فيها تشبه بالنساء، يفعلها الرجال، وليس هذا خاصاً بالنساء فلا بأس، لكن إذا توقف الرجال، وتركوه للنساء يكون أح祸 وأحسن، كما في البلدان الأخرى، فإذا كان في السودان الرجال يفعلون هذا ومشوا عليه، ولا يعتبر تشبهها، وقد صارت عادة لهم، لم يكن فيه تشبه، صار هذا من العادة المشتركة.

Terjemahan: Apabila ia adalah adat bagi kalangan sekalian (manusia melakukan) yang tidak menyerupai dengan wanita, dilakukan (juga) oleh lelaki dan ia tidak menjadi (adat) yang khusus bagi wanita, maka (hukumnya) diharuskan. Tetapi apabila lelaki meninggalkannya dan membiarkannya sahaja bagi wanita, maka adalah lebih cermat dan baik sebagaimana di

negara-negara lain. Tatkala di negara Sudan lelaki melakukannya dan mereka telah menjalaninya, maka ia tidak lagi dianggap keserupaan, bahkah telah menjadi adat bagi mereka (bersama) yang bukan lagi dikira *tashabbuh*. Jadilah adat ini (hal) yang bersekutu (antara lelaki dengan wanita).

**ii) Keputusan Jawatankuasa Muzakarah, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) Berkaitan Pengantin Lelaki Berinai**

Malaysia adalah sebuah negara yang konsisten di atas minhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah berdasarkan keutamaan mazhab Syafii dalam bidang fiqah (Zulkifli al-Bakri, 2009; Zulkifly Muda, 2016; Noor Naemah, 2016; Rahimin Affandi; 2017). Perbezaan pendapat dalam mazhab Syafii berkaitan hukum lelaki memakai inai memberikan impak nyata kepada pendirian mufti di negeri-negeri di Malaysia. Keputusan hukum MKI 2009 telah membuat keputusan:

*“3. Pemakaian ini pada kedua tangan dan kaki bagi lelaki adalah tidak diharuskan kecuali pada sebilangan jari bagi pengantin semasa majlis perkahwinan dan juga untuk tujuan perubatan”*

Ketetapan di atas boleh disifatkan sebagai pandangan umum bagi negara Malaysia. Ini kerana ahli mesyuaratnya dianggotai mufti-mufti semua negeri di Malaysia. Namun, keputusan hukum Kebangsaan tidak mengikat mana-mana negeri untuk mematuhi. Setiap 14 buah negeri memiliki kuasa eksekutif tersendiri sebagaimana diperuntukkan dalam Jadual 9, Senarai 2 Perlembagaan Persekutuan. Keputusan hukum ini agak ringkas tanpa sumber rujukan dan pendalilannya. Justeru, penulis beranggapan bahawa atas penelitian hukumnya berputar dalam zon larangan “*tashabbuh*” (berlainan jantina). Sehubungan itu, disimpulkan syarat-syarat diharuskan bagi pengantin lelaki memakai inai seperti berikut:

- i. Hukum asal adalah haram tetapi dikecualikan kerana keperluan meraikan *uruf*.
- ii. Tidak menyerupai perempuan, iaitu tidak memakai inai pada semua telapak tangan, atau semua jari atau inai yang dilukis dengan pelbagai corak atau ukiran.
- iii. Diharuskan bagi beberapa jari sahaja dan di bahagian kuku atau hujung jari sahaja. Kebiasaannya dipakai pada jari di sebelah tangan sahaja. Dilarang memakai inai pada kebanyakan jari atau kedua-dua tangan.
- iv. Bagi tujuan tertentu yang selari dengan *uruf*, termasuk perkahwinan bagi maksud perlambangan perkahwinan semata-mata bukan untuk kecantikan dan bermegah, apakah lagi ritual.

v. Sekali dipakai sahaja semasa majlis perkahwinan, bukan dipakai beberapa kali. Ini kerana keharusan tersebut terbatas menurut kadarnya sahaja.

### **iii) Negeri Yang Mengharamkan Pengantin Lelaki Berinai**

Negeri Sembilan (2016), Pulau Pinang (2022), dan Wilayah Persekutuan (2016) telah memutuskan bahawa haram bagi pengantin lelaki berinai bagi majlis perkahwinan. Misalnya, Fatwa Negeri Sembilan menyebutkan,

*“4. Pemakaian inai pada kedua tangan dan kaki bagi lelaki adalah tidak diharuskan melainkan bagi tujuan perubatan”*

Manakala huraian Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan lebih jelas dengan ungkapan:

*“Oleh itu, tidak boleh bagi lelaki untuk berinai sama ada bagi tujuan perkahwinan ataupun selainnya atas dasar berhias, agar nampak cantik dan sebagainya melainkan untuk tujuan berubat yang mana dengan berinai boleh membantu menyembuhkan penyakit-penyakit tertentu”*

### **iv) Negeri Yang Mengharuskan Pengantin Lelaki Berinai**

#### **Sabah:**

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah yang telah bersidang pada 21-22 Jamadilawal 1433H/13-14 April 2012M bersetuju untuk memutuskan garis panduan “Upacara Akad Nikah di Masjid dan Perkara-perkara yang Berkaitan Dengannya” untuk menjadi panduan kepada masyarakat Islam di negeri Sabah. Dalam manual tersebut, disebut secara jelas membolehkan pengantin lelaki memakai inai:

*“Bagi pengantin lelaki pula, harus memakai inai pada sebilangan jari tangan dan kaki”.*

Pejabat Mufti Negeri Sabah (2022) telah memperakui adat resam pengantin lelaki berinai masih lagi diamalkan oleh kaum Bajau, Bugis, Brunie dan Sungai. Pihak jabatan mufti menegaskan;

*“Secara umum setiap kaum di Sabah mempunyai adat resam masing-masing khususnya semasa majlis perkahwinan seperti upacara malam berinai bagi pengantin. Misalnya bagi kaum Sungai, pengantin lelaki dan perempuan sama-sama dipakaikan inai pada jari tangan dan kaki, manakala bagi suku kaum Bajau pula, pengantin lelaki dipakaikan inai di enam jari sahaja, iaitu tiga jari di sebelah kanan dan tiga jari di sebelah kiri”*

Kenyataan di atas adalah respons daripada Jabatan Mufti Negeri Sabah terhadap persoalan yang ditanya oleh penulis pada 28 September 2022 mengenai hukum dan budaya pengantin lelaki berinai di Sabah. Bahkan, pihak jabatan mufti mengharuskan pengantin lelaki berinai berdasarkan pendapat sebahagian mazhab Syafie, iaitu al-Mawardi, al-Rafi'i dan Ba'lawi yang meraikan 'uruf setempat.

#### Sarawak:

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali ke 18, yang bersidang pada 16 Muharam 1432H/22 Disember 2010M berkaitan hukum pemakaian inai bercorak menurut syarak telah memutuskan bahawa:

*(3). Mesyuarat juga memutuskan bahawa pemakaian inai pada kedua tangan dan kaki bagi lelaki adalah tidak diharuskan kecuali pada sebilangan jari bagi pengantin semasa majlis perkahwinan dan juga untuk tujuan perubatan.*

#### Pahang:

Ketetapan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang Kali Ke-3/2014, pada 27 Ogos 2014 Keputusan: Hukum Pemakaian Inai Bercorak Menurut Syarak adalah seperti berikut;

*“Dilarang lelaki Islam memakai inai kecuali dengan kadar yang sedikit di bahagian jari tangan untuk menzahirkan perkahwinan dan bagi tujuan perubatan”*

Adalah jelas bahawa kelonggaran lelaki berinai di jari bagi tujuan yang khusus, termasuk perkahwinan dan perubatan dengan syarat tidak melampaui batas yang dibenarkan. Jika menyerupai perempuan atau berlebihan, maka hukumnya tetap haram.

#### v) Negeri Yang Memberikan Ruang Bagi Tujuan Tertentu

Fatwa Jabatan Mufti Perak (2022) yang tidak menyatakan sebab pengecualian pengantin lelaki berinai secara spesifik sebagaimana kenyataan berikut:

*“bahawa haram bagi kaum lelaki menyerupai wanita dan wanita menyerupai lelaki. Oleh yang demikian, pemakaian inai ini adalah dilarang sama sekali bagi kaum lelaki kecuali bagi tujuan tertentu”.*

Ungkapan “kecuali bagi tujuan tertentu” membuka ruang kepada pelbagai pentafsiran. Bagi orang awam, ungkapan tersebut boleh membawa kepada beberapa tafsiran. Apakah “majlis perkahwinan” boleh diterima sebagai suatu keperluan tertentu yang mengharuskan pengantin lelaki berinai? Kemungkinan *uruf* di Perak tidak semua tempat ada yang masih kuat dengan adat berinai. Maka kelonggaran bagi keperluan tersebut perlu melihat kepada tempat yang khusus di Perak. Jika terdapat suatu keperluan pengantin lelaki berinai bagi mengelakkan fitnah, maka diharuskan baginya berinai.

#### **vi) Negeri Yang Tiada Maklumat Dalam Sesawang**

Negeri Kedah, Melaka, Perlis, Johor, Terengganu dan Kelantan tidak diperolehi pendapat mufti-mufti berkenaan berkaitan pengantin lelaki berinai melalui carian dalam sesawang media sosial.


Temu ramah dengan Mufti Negeri Kelantan, YB SS Dato' Hj. Mohamad Shukri bin Mohamad (2022) menjelaskan pendirian Jabatan Mufti Negeri Kelantan adalah selari dengan fatwa Kebangsaan yang mengharuskan pengantin lelaki memakai inai di beberapa jari sahaja. Beliau menambah bahawa dalam mazhab Syafii terdapat khilaf berkaitan lelaki memakai inai. Di samping itu, terdapat *uruf* pengantin lelaki dipakaikan inai, walaupun mutakhir ini *uruf* tersebut telah berkurangan disebabkan peningkatan kesedaran masyarakat terhadap penghayatan Islam.

### **5. Rumusan Dan Saranan**

Penggunaan inai dalam kehidupan manusia dicatatkan sejak zaman dahulu bagi tujuan perubatan, kecantikan, perniagaan dan kebudayaan. Oleh kerana banyak manfaatnya, lelaki diharuskan berinai dengan syarat tertentu. Terbukti secara sahih bahawa Rasulullah SAW dan salaf memakai inai bagi tujuan perubatan dan pewarna bagi rambut, janggut dan misai. Kebudayaan berinai terus hidup dalam tradisi umat Islam, termasuk menghiasi pengantin perempuan dan lelaki yang mengandungi perlambangan murni selaras dengan citra rasa bangsa dan adat.

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa ijtihad fuqaha mengenai larangan lelaki berinai berpaksikan kepada *tashabuh* dengan kaum wanita. Ini berikutan, ketiadaan hadith khusus yang melarang secara putus bagi lelaki berinai. Ini menyebabkan fuqaha mazhab Syafii berselisih kepada dua pendapat. Selaras dengan keutamaan mazhab Syafii di Malaysia telah menatijahkan fatwa kebangsaan mengharuskan pengantin lelaki berinai di beberapa jarinya. Manakala fatwa di negeri-negeri secara jelas menzahirkan ketidakselarasan dalam hal ini. Rumusannya sebagaimana Rajah 1 dibawah:

Rajah 1: Kedudukan Fatwa Mengenai Pengantin Lelaki Berinai Di Malaysia



Maklumat di atas diperolehi melalui pencarian dalam laman sesawang Internet secara terbuka. Kedudukan fatwa MKI 2009 diletakkan dalam kotak tersendiri bagi menunjukkan ia tidak mengikat mana-mana negeri mematuuhinya. Namun, ia tetap berpengaruh dengan bukti banyak negeri selari dengannya. Empat buah negeri mengharamkannya, tiga buah negeri mengharuskannya dan enam buah negeri yang tidak diperolehi maklumat berkaitan dalam sesawang terbuka. Oleh itu, sewajarnya pihak jabatan mufti meningkatkan penyebaran fatwanya dalam laman sesawangnya bagi memudahkan umat Islam zaman moden mendapatkan apa-apa pandangan atau fatwa dengan cepat dan mudah.

### **5.1 Apakah Pengantin Lelaki Berinai Suatu Kemungkaran Yang Wajib Ditegah**

Berdasarkan perbincangan menurut perspektif fiqh dan fatwa yang dikemukakan sebelumnya, telah menemukan beberapa titik persefahaman yang penting sebagaimana di bawah;

- i. Hukum ini termasuk dalam daerah khilaf yang perlu semua pihak berlapang dada bagi pihak orang lain. Dalam mazhab Syafii yang menjadi keutamaan bagi Malaysia membuktikan bahawa ada pendapat yang mengharuskan pengantin lelaki berinai, meskipun ia daif. Manakala pendapat-pendapat fuqaha yang mengharamkannya pula tidak mencapai tahap *qatie* (pasti) atau *ijmak* (disepakati). Ini kerana pengharaman tersebut masih *zanni* (sangkaan) yang boleh ditanggung dengan kemungkinan hukumnya dibina di atas uruf negara-negara Arab. Situasi ini mungkin berbeza dengan konteks *uruf* di Malaysia.

- ii. Fatwa-fatwa rasmi di Malaysia menyaksikan ketidakselarasan. Ada negeri yang mengharuskannya dan banyak negeri yang mengharamkannya. Namun, pandangan fatwa Kebangsaan yang boleh disifatkan sebagai “pandangan umum” bagi seluruh negara Malaysia secara jelas mengharuskan pengantin lelaki berinai dengan syarat-syarat tertentu. Malah, menurut perspektif mazhab empat yang muktabar menyaksikan wujud kekhilafan yang muktabar. Catatan *al-Mawsu'at al-Fiqhiat al-Kuwaytiah* (2006) memberikan gambaran bahawa jumhur mazhab Syafii dan mazhab Hanbali mengharamkan lelaki berinai pada kedua-dua tangan dan kaki kecuali keuzuran disebabkan *tashabbuh* dengan wanita. Namun, sebahagian Hanbali dan pengarang kitab al-Muhit daripada mazhab Hanafi adalah makruh.
- iii. Pengantin lelaki berinai pada hujung jari adalah tidak termasuk dalam kemungkaran pasti yang menuntut seorang yang melihatnya agar menasihati pelakunya tanpa melalui pendekatan dakwah berhikmah. Ibn Hajar al-Haytami (1983) menegaskan:

لَا يُنْكِرُ إِلَّا الْمُجْمَعُ عَلَيْهِ أَوْ الَّذِي اعْتَقَدَ الْفَاعِلُ تَحْمِيلَهُ

*Terjemahan: Tidak diingkari kecuali [perkara] yang diijmak ke atasnya, atau perkara yang pelakunya berpegang kepada haramnya.*

Persoalannya, bagaimana tahap ilmu orang awam boleh disifatkan sebagai “berpegang dengan haram” sedangkan mereka *muqallid* murni (*al-'ami*) yang bertaklid kepada pendapat muftinya. Hal ini berbeza bagi para agamawan yang ada kemampuan menilai muftinya. Maka, mereka sewajarnya membimbangi ahli keluarga mereka agar pengantin lelaki tidak berinai pada hari persandingan berdasarkan “apa yang dia pegang” dengan meraikan kaedah; keluar daripada khilaf adalah disunatkan (Al-Suyuti, 1990; Mustafa al-Zuhayli; 2006).

- iv. Permasalahan ini termasuk isu furuk yang diperluaskan berdasarkan konsep rahmat, keringanan dan kemudahan bagi umat Nabi Muhammad SAW. Ia bukan isu akidah yang berkaitan sah atau batal keimanan pelakunya. Lelaki berinai amat terkait dengan uruf atau adat yang lazim bagi sesuatu tempat..

Perbincangan di atas menunjukkan kekhilafan hukum bagi pengantin lelaki berinai. Ia suatu kelonggaran yang ada kebaikannya pada situasi tertentu. Hal ini memberikan ruang kepada mufti dan alim ulama meneliti situasi yang khusus secara mendalam untuk disesuaikan dengan fatwa. Fatwa *Dar al-Ifta'* (2022) menyatakan:

مَنْ ابْتُلِيَ بِشَيْءٍ مِّنَ الْمُخْتَلِفِ فِيهِ فَلَيُعَذَّبْ مَنْ أَحْجَرَ مِنَ الْعُلَمَاءِ

Terjemahan: Sesiapa yang diuji dengan sesuatu urusan, maka (penyelesaiannya) dia bertaklid kepada pendapat yang mengharuskannya.

## 6. Penutup

Mewarnai janggut dan rambut dengan bahan inai atau *khatam* dan dijadikan bahan perubatan adalah sunnah yang muktabar. Inai juga dijadikan sebagai perhiasan yang khusus bagi wanita pada tangan dan kakinya. Budaya memakai inai ini terus berkembang dalam masyarakat umat Islam, termasuk adat berinai bagi pengantin lelaki dan perempuan yang turut diserikan dengan tarian inai. Sehubungan itu, fuqaha dan juga fatwa-fatwa telah membincangkan isu pengantin lelaki berinai secara mendalam. Pendapat yang kuat bahawa mengharamkan lelaki memakai inai di tangan dan kaki bagi tujuan selain perubatan, tetapi sebahagiannya mengharuskannya dengan syarat tertentu.

Masyarakat boleh mendapatkan secara mudah dan cepat pendapat-pendapat kebanyakan mufti di Malaysia melalui laman sesawang terbuka berkaitan isu ini. Justeru, masyarakat awam tidak sewajarnya masih dilema lantaran mereka boleh memilih mana-mana pendapat yang mudah dan dekat dengan *uruf* setempat demi memelihara keharmonian. Adalah ditegaskan bahawa hukum memakai inai bagi pengantin lelaki terikat dengan *uruf* setempat, maka, adalah lebih baik bagi pengantin lelaki tidak berinai di jarinya jika ia tidak menjadi adat di tempat perkahwinannya. Tidak perlu dia terpengaruh dengan trend semasa.

Jabatan mufti perlu memanfaatkan kemudahan media sosial bagi menyebarluaskan fatwa-fatwa bagi memandu masyarakat berkaitan hukum-hakam syarak. Masyarakat kini lebih kompleks dan cepat. Mereka tidak akan merujuk kepada jabatan mufti dalam hal-hal yang remeh. Sebaliknya akan membuat pencarian dalam laman sesawang yang lain kerana terdapat pihak yang berani bercakap tentang hukum syarak walaupun bukan ahlinya.

## Rujukan

- Abdul Munir Ismail & Mohd Nor Daud. (2022). *Kajian Mengenai Adat Perkahwinan Masyarakat Jawi Peranakan India Islam di Pulau Pinang, Malaysia: Dari Perspektif Islam*. Jurnal Perspektif. Jil. 5, Bil. 2. Universiti Pendidikan Islam Sultan Idris (UPSI). 126-127.
- Al-Amir, Ka'aslafih. (2011). *al-Tanwir fi Sharh al-Jami' al-Saghir*. Riyad: Dar al-Salam.
- Al-Asfahani, Abu Nu'aym. (2006). *Al-Tibb al-Nabawi*. Tahqiq: Mustafa Kadr. T.tp: Ibn Hazm.
- Al-'Ayni, Abu Muhammad Mahmud bin Ahmad. (t.t). *'Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Ba'alwi. (1998). *Bughyat al-Murtarshidin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.

- Bin Baz. [حكم استعمال الحناء للرجل](https://binbaz.org.sa/fatwas/). Dicapai pada 7 Oktober 2022.
- Bin Baz (t.t). *Fatawa Nur 'ala al-Darb*. Majmu'uh: Dr. Muhammad bin Sa'ad. T. tp. 'Abd Aziz bin 'Abdullah bin Al al-Syeykh.
- Dar al-Ifta' al-Misri. مفاهيم إفتانية. <https://www.daralifta.org/home/ViewFatawaConcept?ID=201>. Dicapai pada 8 Oktober 2022.
- Debbi Yolanda Putri. (2017). *Makna Tari Inai Pada Masyarakat Melayu Desa Pekan Labuhan Medan*. Jurnal Seni Tari. Vol. 6. Bil. 2. Daperment of Dance Education, Faculty of Languages and Arts, Universiti Negeri Medan, Indonesia. 7. Al-Dimiyati, Abu Bakr Shata. (1997). *Hashiah I'anat al-Talibin*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Fuad Mohamed Berawi. (2017). *Metodologi Penyelidikan: Panduan Menulis Tesis*. Sentok: UUM Press.
- Al-Ghazza, Kamil bin Husayn al-Halabi. (1999). *Nahr al-Dhahab fi Tarikh al-Halab*. Halab: Dar al-Qalam.
- Ibn Abi Shaybah. (1409H). *Al-Musannaf fi al-Ahadith wa al-Athar*. Riyad: Maktabat al-Rushd.
- Ibn Batutah. (t.t). *Rihlah Ibn Batutah*. T.tp: Dar al-Sharq al-'Arabi.
- Ibn Hajar al-Haytamy. (1983). *Tuhfah al-Muhtaj 'ala al-Minhaj*. Mesir: al-Maktabah al-Tijariah.
- Ibn Hajar al-Haytami. (1994), *al-Zawajir 'ayn Iqtiraf al-Kaba'ir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Ibn Ruslan, Abu al-'Abbas Ahmad bin Husayn al-Shafi'i. (2016). *Sharh Sunan Abi Dawud*. Tahqiq: 'Add al-Bahithin Dar al-Falah. Misr: Dar al-Falah.
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. Irsyad al-Fatwa Ke-157: Hukum Lelaki Memakai Inai. 14 Disember 2016.
- Jabatan Mfti Negeri Sembilan. (2019). *Adat Dalam Perkahwinan*. <https://muftins.gov.my/en/2019/06/19/adat-dalam-perkahwinan/>. Akses 15 Mac 2022.
- Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. *Hukum Berinai Di Majlis Perkahwinan*. [http://ekemusykilan.penang.gov.my/bank\\_detail.php?id=674](http://ekemusykilan.penang.gov.my/bank_detail.php?id=674).
- Jabatan Mufti Negeri Sabah. *Hukum Akad Nikah Di Dalam Masjid & Garis Panduan Upacara Akad Nikah di Masjid dan Perkara Berkaitan Dengannya*.
- Jabatan Mufti Negeri Sabah (2022). "Mohon Penjelasan Hukum Pengantin Lelaki Memakai Inai Di Jari". Surat: PMNS:600-11/3 Jilid 18. Tarikh: 18 Jamadiawwal 1444H/13 Disember 2022. H. 1-3.
- Jabatan Mufti Negeri Perak. *Hukum Memakai Inai Bagi Lelaki dan Perempuan*. <http://mufti.perak.gov.my/rakyat/koleksi-umum/artikel-khas/517-pemakaian-inai?start=1>.
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. 2016. Irsyad al-Fatwa Ke-157: Hukum Lelaki Memakai Inai. 14 Disember 2016. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/1043-irsyad-al-fatwa-ke-157-hukum-lelaki-memakai-inai>.
- JAKIM, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI 2009). Hukum Pemakaian Inai Bercorak Mengikut Syarak. <http://esmaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15345>. Dicapai pada 20 Jun 2022.
- Al-Jamal, Sulayman bin 'Umar bin al-Mansur. (t.t). *Fath al-Wahhab bi Tawdih Sharh al-Minhaj*. Beirut. Dar al-Fikr.
- Kamus Dewan. (2007). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud Yunus. (1972). *Kamus Arab-Indonesia*. T.tp: Mahmud Yunus.
- Al-Majlis al-Islami li al-Ifta' al-Falistini. (2009). <http://www.fataawah.net/Fataawah/250.aspx>. Dicapai pada 20 Jun 2022.
- Al-Mawsu'at al-Fiqhiyat al-Kuwaitiah. (2006). Kuwait: Wuzarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiah.

- Mohd Nizam Sahad et. Al. (2013). *Syarak Mengata Adat Memakai: Tinjauan Terhadap Adat Warisan Melayu Perlis Dari Perspektif Akidah dan Teori 'Uruf Syarak*. Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Farhan Md Ariffin, et. al. (2020). Inai Menurut Perspektif Hadis dan Sains. Vol. 10. No. 2. *Jurnal al-Basirah*. Petaling Jaya: Universiti Malaya. 37-56.
- Mohamad Shukri bin Mohamad, 21 Mac 2022, jam 3.00 petang. Temubual. Kota Bharu: Jabatan Mufti Negeri Kelantan.
- Muhammad Remy Othman et. al. (2021). *Lawsonia inermis* Linn. (Inai) dalam Perspektif Hadith: Aplikasi dalam Etnobotani Melayu dan Kehadiran Aktiviti Antioksida. *Islamiat*. 43(1). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 106.
- Mustafa al-Zuhayli, Muhammad. (2006). *Al-Qawa'id al-Fiqhiah wa Tatbiqah fi al-Madhahib al-Arba'ah*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Al-Muzajjad al-Yamani. (t.t). *Kitab al-'Ubab al-Muhit bi Mu'zam Nusus al-Shafi'i wa al-Ashab*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan. *Pemakaian Inai Bercorak Mengikut Syarak*. Bil. 04/2016-1437H. 28 April 2016 bersamaan 20 Rejab 1437H. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/11022>.
- MyMetro. Intan Mas Ayu Shahimi. *Berinai Kini Jadi Trend*. My Metro. <https://www.hmetro.com.my/hati/2019/07/479836/berinai-kini-jadi-trend-metroty>. Dicapai pada 15 Mac, 2022.
- Al-Nawawi (t.t), *al-Majmu' Sharh al-Muhadhab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi (1991). *Rawdah al-Talibin*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Nawawi (1972). *Al-Minhaj Sharh Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Norhuda Salleh (2017). *Ritual Dan Simbol Dalam Adat Dalam Perkahwinan Masyarakat Melayu, Sekinhan, Selangor*. Tesis Doktor Falsafah. Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, Petaling Jaya.
- Noor Aini A. (2005). *Adat Resam dan Etiket Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Noor Hisham Md. Nawi, Burhan Che Daud. (2018). *Pengenalan Kaedah Penyelidikan Islam: Gagasan dan Amalan*. Kota Bharu: Universiti Kelantan Malaysia.
- Noor Naemah Abd. Rahman et. al. (2016). *Keterikatan Fatwa Kepada Mazhab Syafii: Analisa Terhadap Fatwa-Fatwa Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*.
- Mstar. Nur Mohammad Hadi Zahalan. *Hukum Pemakaian Inai Oleh Kaum Lelaki, Adakah Haram Atau Dibolehkan?*. <https://www.mstar.com.my/xpose/ad-din/2021/04/05/hukum-pemakaian-inai-oleh-kaum-lelaki-adakah-haram-atau-dibolehkan>. Dicapai pada 2 Ogos 2022.
- Othman bin Haji Khalid, et al. (2006). *Kamus Besar Arab – Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahawa dan Pustaka.
- Qalyubi wa 'Umayrah. (1995). *Hashiatan Qalyubi wa 'Umayrah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim & Mohd Anuar Ramli. (2017). *Mazhab Syafii Dalam Pengajian Syariah di Malaysia: Satu Analisa*. Jurnal, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Vol. 7.
- Al-Shatibi. (1996). *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Sharbini, Muhammad bin Ahmad al-Khatib. (1994). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Alfaz al-Minhaj*. T.tp: Dar al-Fikr.
- Al-Suyuti. (1990). *al-Ashbah wa al-Naza'ir*, Beirut. Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Syed Muhammad Adib Termizi. (2019). Seni Mehndi Dalam Fatwa Sahabat. Vol. 5. No. 1. *JFatwa: Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. Universiti Sains Islam Malaysia: Nilai. 57-71.

- Al-Suyuti, ‘Abd al-Rahman bin Abi Bakr. (2004). *Al-Hawi li Fatawa*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah.
- Zakiah Abdul Hamid. (2015). *Kamus al-Ma‘rifah Arab-Jawi*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.
- Zakaria al-Ansari (2000), *Asna al-Matalib fi Sharh Raud al-Talib*. Dar al-Kitab al-Islami.
- Zulkifli al-Bakri (20 April 2016). “Malaysia Sebuah Negara Ahli Sunnah Wal Jamaah: Satu Penegasan. Al-Bayan”. Siri 6. Putra Jaya: Unit Penyelidikan Ilmiah Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Jabatan Perdana Menteri.
- Zulkifly Muda. (2021). *Mazhab Syafie: Wadah Penyatuan Ummah di Malaysia*. Kertas kerja Konvensyen Pendidikan Islam & Ilmuwan Muslim, 8 April 2019, Anjuran Jabatan Mufti.